

NO SOALAN :394

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING  
(STAMPIN)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING [ STAMPIN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah GST daripada peniagaan di Sarawak serta jumlah hasil daripada Sarawak. Minta senaraikan di dalam jadual dari tahun 2010 sehingga sekarang.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pentadbiran kutipan hasil Kerajaan Persekutuan bagi semua negeri-negeri di Malaysia termasuklah bagi negeri Sarawak adalah melibatkan dua jabatan/agensi iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) yang mengutip cukai langsung dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) yang mengutip cukai tidak langsung. Secara amnya cukai langsung terdiri dari cukai pendapatan syarikat/individu termasuk cukai pendapatan yang dikutip melalui mekanisma cukai pegangan,

cukai pendapatan petroleum, duti setem, cukai keuntungan harta tanah. Cukai tidak langsung pula terdiri daripada duti import, duti eksport, duti eksais, GST, levi keuntungan luar biasa dan duti anti lambakan.

Adalah dimaklumkan juga bahawa kutipan cukai di sesuatu negeri termasuklah di negeri Sarawak adalah tidak menggambarkan sumbangan pendapatan secara langsung yang dihasilkan daripada aktiviti ekonomi di negeri berkenaan. Ini disebabkan negeri di mana lokasi cawangan LHDNM dan JKDM yang mengutip pembayaran cukai langsung dan cukai tidak langsung berkemungkinan besar adalah berbeza dengan tempat di mana aktiviti ekonomi dijalankan atau negeri tempat tinggal pembayar cukai. Sebagai contoh, wujud keadaan di mana aktiviti ekonomi dijalankan di negeri Sarawak tetapi cukai dibayar di cawangan LHDNM di Kuala Lumpur kerana syarikat memfail cukai pendapatannya di cawangan LHDNM di Kuala Lumpur. Selain itu, terdapat juga senario syarikat yang menjalankan perniagaan di Kuala Lumpur tetapi membuat pengimportan di negeri Sarawak dan membayar duti import di negeri Sarawak dan dengan itu kutipan duti import yang berkenaan direkodkan bagi negeri Sarawak.

Namun begitu, selaras dengan amalan pentadbiran aktiviti

pengutipan cukai langsung dan cukai tidak langsung yang dibuat mengikut lokasi pembayaran, pengimportan serta pembekalan barang dan perkhidmatan, kutipan mengikut lokasi masih direkodkan di peringkat negeri-negeri. Dalam hubungan ini, jumlah kutipan hasil cukai langsung dan cukai tidak langsung di negeri Sarawak bagi tahun 2010 hingga tahun 2015 adalah seperti berikut:

| <b>Hasil cukai</b>   | <b>2010</b>      | <b>2011</b> | <b>2012</b> | <b>2013</b> | <b>2014</b> | <b>2015</b> | <b>2016</b> |
|--|------------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|
|  | <b>RM (juta)</b> |             |             |             |             |             |             |
| Cukai langsung dan cukai tidak langsung (tidak termasuk GST) | 3,729            | 4,487       | 4,648       | 4,784       | 5,240       | 5,379       | 5,171       |
| GST  | -                | -           | -           | -           | -           | 1,584       | 2,702       |